



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,
Aras 18, Blok C,
Ibu Pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**
E-mel : komunikasi@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
Twitter : twitter.com/SPRMMalaysia
Facebook: facebook.com/sprm.benci.rasuah
Youtube : www.youtube.com/odvmacc

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENEGAHAN RASUAH MALAYSIA

PERTUDUHAN PERTAMA DI BAWAH SEKSYEN 10(3)(b) AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara bagi menuduh seorang pegawai kanan syarikat di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada jam 8.30 pagi, esok.

Tertuduh akan menghadapi pertuduhan di bawah Seksyen 10 (3) (b), Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) kerana telah menyebabkan seorang kakitangan syarikat dipecat setelah memberikan maklumat kepada SPRM berkaitan salah laku yang dibuat oleh tertuduh. Pertuduhan di bawah seksyen tersebut merupakan yang pertama dalam sejarah sejak akta berkenaan berkuat kuasa pada 2010.

SPRM amat prihatin dengan masalah yang terpaksa dihadapi oleh pemberi maklumat sekiranya mereka dikenakan tindakan atas pendedahan jenayah rasuah yang dilakukan oleh pihak tertentu. Peruntukan undang-undang tersebut menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain di samping memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan yang memudaratkan.

Oleh demikian, SPRM tidak akan teragak-agak menjalankan siasatan ke atas pihak yang cuba mengenakan tindakan yang memudaratkan ke atas pemberi maklumat. SPRM berharap agar pertuduhan berkaitan kes ini dapat memberikan isyarat kepada masyarakat agar tidak gentar dalam memberikan kerjasama kepada agensi penguat kuasa untuk menyalurkan maklumat berkaitan rasuah dan salah guna kuasa.

Pertuduhan berkaitan kes ini juga diharapkan dapat memberi pengajaran kepada pihak yang cuba mengenakan tindakan ke atas pemberi maklumat.

SURUHANJAYA PENEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

17 SEPTEMBER 2020



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Azrai Mohammad (019-6106962)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui pengubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).